

(7 Mac 2021) Sinar, p.10

1,680 kes baharu, 7 kematian

Kes sembuh pada Sabtu mengatasi kes positif baharu iaitu sebanyak 2,548 kes

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

PUTRAJAYA

Selepas dua hari kes baharu positif Covid-19 harian melebihi angka 2,000 kes, jumlah itu menurun kepada 1,680 kes pada Sabtu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu berkurang berbanding 2,154 kes pada Jumaat dan 2,063 pada Khamis.

Beliau bagaimanapun berkata, sebanyak tujuh kematian dilaporkan pada Sabtu menjadikan jumlah kematian keseluruhan yang direkodkan setakat ini adalah sebanyak 1,166

orang.

“Kes baharu yang dilaporkan hari ini (Sabtu) melibatkan sebanyak 1,677 kes penularan tempatan dan tiga kes import dan menjadikan jumlah kes positif ialah sebanyak 311,777 kes.

“Daripada jumlah itu,

kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) adalah sebanyak 172 kes, manakala yang memerlukan bantuan pernafasan sebanyak 84 kes,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, kes sembuh yang direkodkan pula mengatasi kes positif baharu iaitu sebanyak 2,548 kes dengan kadar kesembuhan 92.8 peratus menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh sebanyak 289,452 kes.

Beliau berkata, Selangor terus mencatatkan bilangan kes harian Covid-19 tertinggi dengan mencatatkan 826 kes.

Katanya, ia diikuti Sarawak


dengan 221 kes, Johor (139), Negeri Sembilan (89), Pulau Pinang (84), Kuala Lumpur (81), Sabah (74), Perak (68), Kelantan (35), Terengganu (22), Pahang (17), Kedah (11), Melaka (10), Putrajaya (2) dan Labuan (1).

“Hari ini (Sabtu) hanya terdapat empat kluster baharu dilaporkan melibatkan tiga kluster berkaitan tempat kerja dan satu kluster dalam komuniti.


“Kluster tempat kerja melibatkan Lagoon Selatan, Selangor; Jalan Firma Dua, Johor dan Jalan Haji Malek, Melaka; manakala kluster komuniti membabitkan Bukit Tunggul, Sarawak,” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 6 Mac 2021




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	311,777	PULIH: 289,452	ICU: 172	KEMATIAN: 1,166	KES BAHARU: +1,680
---------------------	---------	----------------	----------	-----------------	--------------------



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 310,097 kes kepada 311,777 kes